

Pengaruh Akses dan Kemahiran Teknologi Digital terhadap Sosioekonomi Usahawan B40 di Selangor

Faradillah Iqmar Omar¹

¹Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Universiti Islam Selangor

*Pengarang Koresponden: faradillah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kemajuan teknologi digital yang pantas telah mewujudkan pelbagai peluang baharu yang boleh digunakan oleh masyarakat. Ini meliputi aspek komunikasi harian, mahupun pembangunan ekonomi dan penglibatan sosial melalui alat dan pemikiran inovatif baharu. Namun begitu, akses kepada teknologi digital serta kemahiran menggunakannya perlu diperhalusi kerana tanpa akses dan kemahiran yang baik, sesuatu teknologi digital itu tidak dapat digunakan dengan tahap yang optimum. Kajian ini bertujuan untuk meninjau akses dan tahap kemahiran menggunakan teknologi digital serta menguji sejauh mana pengaruh akses dan kemahiran ini terhadap sosioekonomi usahawan B40 di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan terhadap 618 orang usahawan B40 yang berumur lingkungan 18 tahun ke atas di lima buah daerah di Selangor. Set borang soal selidik yang dibangunkan telah diedarkan kepada responden secara bersemuka bagi mendapatkan data yang lebih jitu. Data yang diperolehi daripada sampel ini kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan dengan deskriptif statistik dan inferens. Sampel kajian dipilih berdasarkan dua teknik pensampelan iaitu teknik pensampelan berkelompok (*cluster sampling*) dan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kajian ini juga mentakrifkan penggunaan teknologi digital sebagai keupayaan dan pengalaman responden dari aspek kekerapan mengakses serta kemahiran menggunakannya. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden kerap mengakses peranti dan aplikasi teknologi digital bagi urusan perniagaan. Tahap kemahiran responden menggunakan teknologi digital pula berada di tahap yang sederhana. Hasil ujian korelasi pula mendapati hubungan antara akses dan sosioekonomi merupakan satu hubungan positif yang sederhana dan signifikan. Begitu juga dengan kemahiran teknologi digital turut menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan sosioekonomi. Keputusan ini menjelaskan bahawa semakin meningkat tahap kekerapan akses dan peningkatan kemahiran teknologi digital maka semakin meningkat dan bertambah baik sosioekonomi usahawan B40.

Kata kunci: Akses; Kemahiran; Teknologi Digital; Sosioekonomi; Usahawan B40

1. PENGENALAN

Kemajuan teknologi digital telah membawa perubahan besar dalam hampir semua aspek kehidupan manusia. Dari aspek komunikasi, pendidikan, hiburan, hingga dunia perniagaan, teknologi digital telah menjadi pendorong utama dalam mempercepat pertumbuhan dan transformasi masyarakat moden. Konvergensi teknologi ke dalam pelbagai aspek kehidupan disebut sebagai Industri 4.0 atau revolusi industri keempat yang mendorong pertumbuhan peluang secara sosial dan ekonomi. Inovasi teknologi mengubah setiap aspek perekonomian. E-dagang di China menjadi sektor ekonomi yang besar. Sementara itu, ekonomi digital menyumbang sebanyak 18.5% terhadap ekonomi Malaysia pada tahun 2018. Sektor perniagaan secara dalam talian menyumbang 43% dari nilai ekonomi digital (Au Yong Hui Nee et al., 2020).

Akses dan kemahiran teknologi digital mempunyai impak yang luas dalam pelbagai aspek. Dengan adanya akses yang mudah terhadap teknologi seperti internet, masyarakat akan dapat memperoleh informasi dari pelbagai sumber dengan cepat dan efisien. Selain itu, kemahiran

teknologi digital memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti perniagaan dan pelbagai aspek lain. Teknologi telah memberikan impak yang signifikan ke atas pelbagai aspek sosioekonomi masyarakat (Smith, 2020). Melalui inovasi dan pembangunan teknologi, masyarakat mengalami perubahan dalam cara berinteraksi, bekerja, dan mendapatkan akses kepada perkhidmatan penting. Hubungan antara teknologi dan sosioekonomi adalah sangat kompleks. Ia penting bagi masyarakat dan dasar awam untuk memastikan bahawa faedah teknologi dinikmati secara merata dan cabaran yang timbul, seperti kesenjangan dan isu privasi, diberi perhatian yang serius (United Nations Development Programme, 2019).

Teknologi telah memberikan peluang baharu kepada usahawan untuk memulakan perniagaan dan memperluaskan jangkauan mereka. Dengan adanya platform dalam talian dan media sosial, usahawan kini boleh dengan mudah memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada pelanggan di seluruh dunia. Ini membuka pintu kepada pasaran yang lebih besar dan peluang pertumbuhan yang lebih cepat (Johnson & Smith, 2018). Seterusnya, teknologi juga turut mengubah cara pengelolaan perniagaan. Sistem perakaunan digital, perisian pengurusan stok, dan alat analisis data membolehkan usahawan menguruskan perniagaan mereka dengan lebih efisien. Ini mengurangkan beban kerja operasi harian dan membolehkan usahawan memberi tumpuan lebih kepada inovasi dan strategi pertumbuhan (Tece, 2018).

Walaupun teknologi membawa pelbagai manfaat kepada usahawan, terdapat juga cabaran yang perlu di atasi. Usahawan perlu memahami dan menguasai teknologi yang sesuai dengan perniagaan mereka, serta mengatasi potensi isu keselamatan siber dan privasi data. Selain itu, ada risiko kesenjangan digital di mana usahawan yang tidak mempunyai akses, pengetahuan dan kemahiran teknologi akan tertinggal (European Commission, 2020). Ironinya, teknologi memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan sosioekonomi usahawan. Ia membuka peluang baru, mengubah cara pengurusan perniagaan, dan merangsang inovasi. Namun, usahawan juga perlu menghadapi cabaran dan beradaptasi dengan cepat terhadap perubahan teknologi. Oleh itu, penguasaan teknologi menjadi aspek penting dalam kejayaan usahawan dalam era digital ini.

2. TINJAUAN LITERATUR

Teknologi maklumat boleh digambarkan sebagai cara atau alat yang digunakan untuk memindahkan, menyebarkan, dan memaparkan maklumat. IT (Teknologi Maklumat) dan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) adalah teknologi yang sangat penting dalam pemprosesan data. Ruang lingkupnya luas dan merangkumi pelbagai aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Dengan tepat dan mudah, penggunaan komputer dan perisian digunakan untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindahkan, melihat, dan mendapatkan maklumat tanpa terikat oleh lokasi atau waktu (Asiah Nordin et al., 2010).

Penggunaan internet dapat difahami berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat ketika menggunakan teknologi ini. Oleh itu, tingkah laku yang berpotensi meningkatkan modal sosial individu, seperti mencari maklumat kesihatan, transaksi kewangan, kerja dan berita, dianggap sebagai parameter penggunaan internet yang berkesan (Flávio Perazzo Barbosa, 2020). Sementara itu, teknologi adalah sebuah portal yang memungkinkan pengguna berinteraksi dan mendapatkan informasi. Sweta Sharma et al., (2021) menjelaskan bahawa literasi informasi dan jaringan internet memiliki hubungan yang signifikan dengan kualiti hidup masyarakat. Dengan demikian, teknologi memainkan peranan penting dalam aktiviti komunikasi masyarakat yang dapat meningkatkan kualiti hidup dalam berbagai aspek, seperti

sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya, dan proses demokrasi, baik secara internal maupun global, dalam perkara berkaitan akses, kesetaraan dan keamanan.

Selain itu, teknologi juga merangsang penciptaan produk dan perkhidmatan baharu. Usahawan kini boleh menggunakan teknologi untuk mengenal pasti keperluan pasaran yang belum dipenuhi dan mencipta solusi yang lebih inovatif. Dengan akses kepada alat-alat seperti penciptaan prototaip digital dan teknologi pembuatan cepat, usahawan dapat mengurangkan risiko dan kos dalam proses pembangunan produk. Akses kepada teknologi memainkan peranan penting dalam membentuk kejayaan usahawan dalam era digital ini. Usahawan yang mempunyai akses dan penguasaan teknologi cenderung mempunyai kelebihan kompetitif yang lebih besar berbanding mereka yang tidak. Terdapat beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan berkenaan dengan akses kepada teknologi dalam kalangan usahawan. Pertama, akses kepada peralatan teknologi seperti komputer, telefon pintar, dan internet adalah asas penting bagi usahawan untuk berkomunikasi, menguruskan perniagaan, dan mengakses maklumat pasaran. Anderson (2020) menjelaskan keupayaan untuk menjalankan urusan perniagaan secara dalam talian membolehkan usahawan merentas sempadan geografi dan mencapai pelanggan yang lebih meluas.

Kedua, penguasaan kemahiran teknologi juga penting. Usahawan perlu memahami cara menggunakan perisian aplikasi yang berkaitan dengan perniagaan mereka, seperti perisian perakaunan, pengurusan stok, dan platform e-dagang. Kemahiran ini memudahkan pengurusan harian perniagaan dan membolehkan usahawan membuat keputusan yang lebih tepat (Mckee, 2018). Selain itu, akses kepada peluang pembelajaran dalam talian dan sumber-sumber pendidikan teknologi juga penting. Kini terdapat banyak kursus dalam talian yang membolehkan usahawan mempelajari kemahiran baharu tanpa perlu meninggalkan perniagaan mereka. Ini dapat membantu usahawan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi yang berkaitan dengan perniagaan.

Namun, terdapat juga cabaran dalam mendapatkan akses kepada teknologi. Terutama bagi usahawan kecil dan sederhana serta yang beroperasi di kawasan yang kurang berkembang, mungkin menghadapi kesukaran dalam mendapatkan peralatan teknologi yang diperlukan. Ini boleh menyebabkan kesenjangan digital di mana beberapa usahawan lebih terkebelakang dalam penggunaan teknologi (World Bank, n.d). Justeru, akses kepada teknologi adalah penting dalam memperkukuhkan daya saing usahawan dalam era digital. Penguasaan teknologi tidak hanya memudahkan pengurusan perniagaan harian tetapi juga membuka peluang untuk pertumbuhan dan inovasi. Oleh itu, sokongan dan peluang pembelajaran dalam talian bagi usahawan dalam aspek teknologi adalah penting untuk membantu mereka mencapai kejayaan dalam pasaran yang semakin digital ini (UNCTAD, 2021).

3. METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan. Reka bentuk tinjauan menyediakan penerangan kuantitatif atau berangka tentang corak, sikap atau pendapat daripada populasi dengan mengkaji sampel populasi (Creswell 2014). Justeru, pengaplikasian kajian tinjauan dalam kajian ini dilakukan melalui penggunaan soal selidik yang ditadbir sendiri dengan bantuan enumerator yang dilantik. Reka bentuk keratan rentas dalam kajian ini merujuk kepada pengedaran soal selidik kepada sekumpulan sampel kajian (usahawan B40) yang diambil dalam tempoh masa tertentu sahaja.

Populasi kajian ini terdiri daripada usahawan B40 yang memiliki perniagaan dan menjalankan perniagaan mereka di negeri Selangor di mana unit analisis adalah di peringkat individu. Lokasi kajian hanya tertumpu kepada beberapa daerah terpilih berdasarkan teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian dipilih berdasarkan dua teknik pensampelan iaitu pensampelan kluster dan pensampelan bertujuan. Teknik pensampelan kelompok telah digunakan untuk mendapatkan usahawan B40 secara rawak di negeri Selangor yang terdiri daripada beberapa daerah. Daerah yang dipilih ialah Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Sepang. Teknik pensampelan bertujuan digunakan kerana fokus kajian adalah kepada kumpulan usahawan B40 yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Seramai 618 usahawan B40 menjadi sasaran penyelidikan sebagai sampel kajian. Analisis data dijalankan menggunakan statistik deskriptif untuk memecahkan profil responden kajian manakala statistik inferens diaplikasikan melalui ujian model hipotesis kajian untuk menjelaskan ramalan sebab-akibat antara pemboleh ubah peramal dan pemboleh ubah bersandar. Kedua-dua kaedah ini dilaksanakan menggunakan perisian SPSS 27.0.

4. DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif Profil Responden

Ciri-ciri sampel yang dikaji dalam kajian ini dapat dilihat dalam profil responden berdasarkan nilai kekerapan dan peratusan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Berdasarkan komposisi jantina, seramai 336 adalah usahawan lelaki (54.4%) dan selebihnya adalah usahawan wanita dengan jumlah seramai 282 orang (45.6%). Dari segi pecahan umur majoriti kumpulan usahawan B40 ini terdiri daripada mereka yang berumur 36 hingga 45 tahun iaitu seramai 203 orang (32.8%), diikuti kumpulan usahawan berumur 26 hingga 35 tahun seramai 190 orang (30.7). % dan 78 usahawan berumur antara 15 dan 25 (12.6%) serta 41 usahawan berumur 56 tahun ke atas (6.6%). Majoriti kumpulan usahawan B40 yang menjadi responden kajian ini adalah berbangsa Melayu dengan jumlah seramai 556 orang (90%). Dari segi status, kebanyakan mereka juga sudah berkahwin, tetapi ada juga yang masih bujang, selain ibu tunggal dan bapa tunggal. Dalam aspek tahap pendidikan pula, seramai 328 orang mendapat pendidikan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), diikuti 149 responden berkelulusan Sijil/STPM/Diploma, dan selebihnya berkelulusan UPSR, SRP/PMR, Sarjana Muda dan Sarjana. Jadual 1 menerangkan secara spesifik dari segi taburan demografi responden.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

	Item	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	336	54.4
	Perempuan	282	45.6
Umur	15 - 25 tahun	78	12.6
	26 - 35 tahun	190	30.7
	36 - 45 tahun	203	32.8
	46 - 55 tahun	106	17.2
	56 ke atas	41	6.6
Status Perkahwinan	Bujang	175	28.3
	Berkahwin	368	59.5
	Ibu tunggal	50	8.1
	Bapa tunggal	25	4.0

Tahap Pendidikan	UPSR	16	2.6
	SRP/PMR/PT3	83	13.4
	SPM	328	53.1
	Sijil/STPM/Diploma	149	24.1
	Sarjana Muda	40	6.5
	Sarjana	2	0.3

Ujian Korelasi dan Keputusan Hipotesis

Pekali korelasi ialah suatu indeks yang menunjukkan darjah hubungan antara pemboleh ubah. Korelasi yang dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah terikat. Hubungan korelasi adalah untuk melihat sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan atau sebaliknya terhadap pemboleh ubah terikat. Ujian ini juga adalah untuk meninjau dan menjawab hipotesis seperti yang diterangkan. Hasil analisis korelasi memperlihatkan hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Peraturan yang kebiasaannya digunakan oleh pengkaji lepas adalah *rule of thumb* untuk menyatakan hubungan dua hala pemboleh ubah adalah seperti yang diinterpretasikan oleh Mohd Majid Konting (2000) ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2: Kalsifikasi Kekuatan Korelasi

Julat (- atau +)	Kekuatan
0.01 – 0.20	Sangat Lemah
0.21 – 0.40	Lemah
0.41 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Kuat
0.91 – 1.00	Sangat Kuat

Sumber: Mohd Majid Konting (2000)

Hasil ujian korelasi menunjukkan hubungan positif yang sederhana di antara pemboleh ubah akses dengan sosioekonomi usahawan B40 iaitu $r = .757$, $p < 0.05$. Ini menjelaskan bahawa akses kepada teknologi digital yang mempunyai pengaruh yang sederhana. Begitu juga dengan kemahiran turut mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan sosioekonomi usahawan B40. Ironinya, dengan akses dan kemahiran teknologi digital secara optimum dapat membantu usahawan menambah baik sosioekonomi yang jitu dalam kehidupan seterusnya dalam menjalankan perniagaan mereka. Ujian hipotesis pula menunjukkan bahawa keputusan hipotesis adalah diterima. Jadual 3 menjelaskan dengan terperinci keputusan ujian korelasi ke atas pemboleh ubah kajian.

Jadual 3: Pengaruh Akses dan Teknologi Digital terhadap Sosioekonomi Usahawan B40

Pemboleh Ubah	Sosioekonomi Usahawan B40		
	<i>Pearson Correlation</i>	<i>Sig. (2-Tailed)</i>	Tahap
Akses	.477	.000	Sederhana
Kemahiran	.508	.000	Sederhana

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi kesimpulan bahawa akses dan kemahiran dalam teknologi digital mempunyai hubungan yang positif dalam mempengaruhi aspek sosioekonomi usahawan golongan B40 di Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemudahan akses kepada teknologi digital memberikan peluang kepada usahawan B40 untuk memperluas pasaran dan meningkatkan kesan positif terhadap perniagaan mereka. Selain itu, kemahiran dalam menggunakan teknologi digital memberikan kelebihan kepada usahawan dalam menguruskan perniagaan dengan lebih cekap dan berinovasi dalam produk dan perkhidmatan. Kajian ini memberikan pandangan yang lebih dalam mengenai hubungan kompleks antara akses dan kemahiran dalam teknologi digital dengan perkembangan sosioekonomi usahawan golongan B40 di Selangor. Dalam era digital yang semakin mendominasi, pemahaman dan pengurusan teknologi menjadi aspek yang semakin penting bagi usahawan dari pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, pendekatan holistik yang merangkumi sokongan akses dan pembangunan kemahiran dalam teknologi perlu diberi perhatian bagi memastikan inklusiviti dan pertumbuhan yang mampan dalam komuniti usahawan B40 di Selangor.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) Fasa 1/ 2020 No. Kod FRGS/1/2020/SS0/KUIS/02/2 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

RUJUKAN

- Anderson, S. (2020). *The Importance of Technology Access for Small Businesses*. Small Business Trends.
- Asiah Nordin, Malik Rizuan Jaafar & Mohd Mazlan Maulana. (2010). *Teknologi Maklumat*. Universiti Malaysia Sabah.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-4. Thousand Oaks: Sage Publication.
- European Commission. (2020). *Digital Economy and Society Index 2020: Country Report Malaysia*. European Commission.
- Flávio Perazzo Barbosa Mota, Ivo Cilento. (2020). Competence for internet use: Integrating knowledge, skills, and attitudes. *Computers and Education*, 1. <https://doi.org/10.1016/j.caeo.2020.100015>
- H.N. Au Yong1, W.L. Quah1, K.K. Loo1, W.T. Teh1, H.Y. Peh. (2020). The Impact of Digital Transformation on Economic Growth in ASEAN Countries. *Proceeding of 8th International Seminar of Entrepreneurship and Business (ISEB 2020)*.
- Johnson, K., & Smith, J. (2018). The Role of Technology in Entrepreneurship. *Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 19(3), 197-212.

- Johnson, C. D. (2019). Social Media and Its Implications for Communication in the Digital Age. *International Journal of Communication*, 13, 3563-3583.
- Mckee, M. (2018). *The 4 Must-Have Software Tools for Small Businesses*. Forbes.
- Smith, A. B. (2020). The Impact of Technology on Socioeconomic Aspects of Society. *Journal of Technology Studies*, 46(1), 12-24.
- Sweta Sharma, Deepmala & Ashok Kumar Upadhyay. (2021). Information Literacy: An Overview. *Ikogretim Online - Elementary Education Online*, 20 (1), pp. 4227-4234.
- Teece, D. J. (2018). Business Models and Dynamic Capabilities. *Long Range Planning*, 51(1), 40-49.
- United Nations Development Programme. (2019). *Digital Technologies and Inclusive Social Development*. UNDP.
- World Bank. (Tahun). *The Digital Entrepreneurship Gap Report*.